

BH 27/6/00

# Banjir kilat di Sabah

## 20 sekolah di lima daerah putus hubungan diarah tutup

Oleh Suzianah Jiffar

**K**OTA KINABALU: Pantai Barat negeri ini yang dilanda hujan lebat, berterusan dan angin kencang sejak petang kelmarin hingga tengah hari semalam, menyebabkan banjir kilat berlaku di beberapa kawasan.

Banjir dilaporkan melanda sekitar bandar raya Kota Kinabalu, Penampang, Beaufort, Tuaran, Papar, Kudat dan Kota Belud.

Keadaan itu turut menyebabkan kira-kira 20 sekolah rendah dan menengah di lima daerah pentadbiran Pejabat Pendidikan Gabungan Beaufort ditutup, memabitkan kira-kira 4,000 pelajar.

Difahamkan, langkah menutup sekolah terbabit terpaksa dilakukan kerana ada bangunan ditenggelami dan sesetengahnya terputus hubungan.

Jurucakap Jabatan Pelajaran negeri berkata, 11 sekolah rendah di daerah Papar diarah tutup iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Belatik, SK Kambizaan, SK Lingan, SK Kayau,

SK Pekan Kinarut, SK Daingin, SK Mandalipau, SK Sook, SK Rampazan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) (Cina) Kin Kiau dan SRJK (Cina) Ching Ming.

Lima sekolah di Zon Gadong iaitu SK Suasa, SK Lago, SK Kebubu, SK Jabang dan SM Gadong serta lima lagi di Zon Pekan memabitkan SK Mempagar, SK Batu 60, SK Batu 65, SM St Paul, SM St John serta Beaufort Middle School (swasta) turut diarah tutup.

Paras air di Sungai Padas, Beaufort pagi semalam dilaporkan 8.65 meter, menghampiri paras bahaya 8.70 meter.

Dalam perkembangan berkaitan, kira-kira 100 keluarga di empat blok rumah pangsa Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Menggatal, dekat sini, dilanda banjir lumpur selepas rumah mereka ditenggelami air lebih 1.2 meter, tengah hari semalam.

Tinjauan mendapati, banjir lumpur itu melanda kediaman, kedai runcit, taman bimbingan kanan-kanak, surau dan balai raya.

Pengarah Jabatan Meteorologi ne-



**PENGANGKUTAN BARU:** Orang ramai terpaksa menaiki sampan untuk ke kedai membeli barang keperluan harian di pekan Beaufort berikutan banjir kilat semalam.

### FAKTA NOMBOR

Banjir kilat landa di Sabah

**220mm**

Jumlah hujan dari 4 petang kelmarin hingga 8 pagi semalam

**100mm**

Jumlah hujan kebiasaan

Tenghilan yang semuanya terletak dalam lingkungan 50 kilometer dari Kota Kinabalu.

Di Penampang, banjir kilat melanda kira-kira 30 kampung berikutan limpahan dari Sungai Moyog.

Faksimili dari Jabatan Meteorologi negeri petang semalam menyebut, hujan diramal berterusan di Pantai Barat Sabah dengan angin kencang dan boleh menyebabkan tanah runtuh di kawasan rendah, lelang bukit serta tebing sungai.

"Angin kencang barat daya diramal pada kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam manakala laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter," katanya.